



P1 akan terus perluas liputan

PETALING JAYA 7 Feb. - Syarikat telekomunikasi Packet One Networks (Malaysia) Sdn. Bhd. (P1) akan terus meluaskan liputannya secara besar-besaran tahun ini ekoran sambutan baik yang diterima terhadap perkhidmatan produk jalur lebar, P1 4G.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Michael Lai berkata, pihaknya mensasarkan untuk meningkatkan liputannya 65 peratus kawasan di Semenanjung Malaysia.

"Syarikat ini masih lagi baharu, saya berpuas hati dengan apa yang telah dicapai kami dalam tempoh tiga tahun ini.

"P1 kini menjadi antara pelopor teknologi 4G di rantau Asia Tenggara. Tahun lalu, syarikat berjaya menambah liputan kami daripada 650 kawasan kepada 1,500 kawasan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Katanya, P1 dijangka mampu menjadi antara syarikat telekomunikasi yang berupaya mencatatkan keuntungan dalam tempoh lima tahun selepas penubuhannya.

"Kami juga mahu meningkatkan pelanggan kepada 500,000 pengguna tahun ini berbanding 356,000 pengguna pada suku ketiga tahun lalu.

"Sehingga kini, P1 telah membelanjakan RM700 juta bagi membangunkan perkhidmatan P1 4G kami," katanya.

Walaupun tumpuan diberikan terhadap 4G, Lai berkata, perkhidmatan suara turut diperkenalkan sebagai nilai tambah kepada pelanggannya, sekali gus menjadikannya syarikat telekomunikasi yang beroperasi penuh.

Tambahnya lagi, beberapa sekolah berhampiran ibu pejabat P1 di Petaling Jaya juga telah diberikan kemudahan 4G dan dijangka beberapa sekolah lagi akan diberikan kemudahan itu.